



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN
PROFESOR GRED KHAS C (VK7) &
PROFESOR MADYA GRED DS53**

Disediakan Oleh :
Unit Pelantikan & Unit Kenaikan Pangkat
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Edisi keluaran : 2
Tarikh Kuatkuasa : 31 Mei 2018
Tarikh Kemaskini : 6 Ogos 2019

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) &
PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

ISI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Mukasurat
1.0	Tujuan	3
2.0	Tafsiran	3
3.0	Dokumen Rujukan	4
4.0	Syarat dan Kriteria Pelantikan	4 - 6
5.0	Prosedur dan Proses Permohonan	7 - 8
6.0	Jawatankuasa Kesepakatan Peringkat Fakulti/Pusat	7 – 8
7.0	Pelantikan Penilai Luar	8 – 9
8.0	Penilaian Jawatankuasa Pemilih Peringkat Universiti	9 – 10
9.0	Dokumen Permohonan Pelantikan Daripada Fakulti / Pusat	10
10.0	Keputusan Pelantikan	10
11.0	•Proses Kerja Dan Carta Alir Bagi Pelantikan Jawatan Profesor Gred Khas C (VK7)	10 - 13
	•Proses Kerja Dan Carta Alir Bagi Pelantikan Jawatan Profesor Madya Gred DS53	14 - 16

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) &
PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur dan proses pelantikan jawatan akademik bagi lantikan terus daripada **agensi luar** yang meliputi jawatan berikut di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) di Universiti Malaysia Pahang (UMP):

- a) Profesor Gred Khas C (VK7)
- b) Profesor Madya Gred DS53

2.0 TAFSIRAN

Bil	Jawatan	Istilah / Terma	Maksud
1	Profesor	Jawatankuasa Pemilih Jawatan Profesor (berdasarkan Statut UMP - Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik tahun 2014)	<ul style="list-style-type: none"> - Terdiri daripada Naib Canselor hendaklah menjadi Pengerusi; - dua (2) ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga; - Dekan Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademik atau Institut yang baginya kursi itu atau jawatan professor kanan atau professor itu diuntukkan; dan - Dua (2) ahli Senat yang dilantik oleh Senat.
		Penilai Luar	Laporan penilaian daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pakar luar yang diiktiraf dalam bidang kepakaran masing-masing
		Pihak Berkuasa Melantik	Lembaga Pengarah Universiti
2	Profesor Madya	Jawatankuasa Pemilih (Jawatan Guru) (berdasarkan Statut UMP - Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik tahun 2014)	<ul style="list-style-type: none"> - Terdiri daripada Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor hendaklah menjadi Pengerusi; - Dua (2) ahli Senat yang dilantik oleh Senat; dan - Dekan Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya jawatan itu diuntukkan.
		Penilai Luar	Laporan penilaian daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang pakar luar yang diiktiraf dalam bidang kepakaran masing-masing
		Pihak Berkuasa Melantik	Naib Canselor

3.0 DOKUMEN RUJUKAN

- 3.1 Perintah-Perintah Am
- 3.2 Sistem Saraan Malaysia Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/2002
- 3.3 Pekeliling-pekeling dan Surat-surat Pekeliling yang berkenaan
- 3.4 Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UMP
- 3.5 Garis Panduan Prosedur Pengambilan Staf

4.0 SYARAT DAN KRITERIA PELANTIKAN

Pada umumnya pelantikan staf bagi jawatan akademik ini adalah berasaskan kepada kekosongan jawatan yang melibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan bagi memperolehi peruntukan jawatan (Waran Perjawatan) staf untuk tujuan pelantikan. Pengisian jawatan adalah tertakluk kepada Waran Perjawatan yang diluluskan sebagaimana yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti di bawah Sistem Saraan Malaysia (berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016).

4.1 Syarat Am Pelantikan bagi Jawatan Akademik Profesor Gred Khas C (VK7) dan Profesor Madya Gred DS53

- a) Ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- b) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau
- c) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- d) Kelayakan Perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Jadual II Bahagian I, Akta Doktor Veterinar 1974 dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- e) Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) & PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

- f) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- g) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

4.2 Syarat / Kriteria pertimbangan bagi lantikan Jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dan Profesor Madya Gred DS53.

a) Syarat / Kriteria Am / Umum

Bil.	Perkara
1	ijazah sarjana/ijazah kedoktoran dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
2	Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3	a) Profesor Gred Khas C (VK7) - membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya b) Profesor Madya Gred DS53 - membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya
4	mempunyai pengalaman luas dalam bidang yang berkenaan
5	Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Jabatan Kerajaan ; a. Disahkan dalam perkhidmatan (bagi yang berjawatan tetap dan warganegara) b. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan, memperoleh Markah Baik iaitu 80% dalam LNPT (tiga (3) tahun terkini). c. Permohonan melalui Ketua Jabatan/Perkhidmatan. d. Bebas dari hukuman tatatertib.
6	Profesor Gred Khas C (VK7): Jawatankuasa hendaklah menimbang laporan penilaian daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pakar luar . Profesor Madya Gred DS53): Jawatankuasa hendaklah menimbang laporan penilaian daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang pakar luar . Nota: Bagi calon yang menyandang jawatan yang sama di institusi awam, permohonan calon tidak perlu melalui penilaian oleh Penilai Luar.

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) &
PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

b) Syarat / Kriteria Khusus

Bil	Perkara	Jawatan	
		Profesor (VK7)	Profesor Madya (DS53)
1	Pengalaman kerja dalam bidang berkaitan	Sekurang-kurangnya 4 tahun sebagai Profesor Madya Gred DS53/54 atau yang setara dengannya	Sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai Pensyarah Universiti Gred DS51/52 atau yang setara dengannya
2	Markah Minimum Kriteria Penilaian Kendiri	200	120
3	Penyeliaan Siswazah (Keperluan Minimum)	3 PhD bergraduat (Penyelia Utama)	- 2 Sarjana bergraduat (Penyelia Utama) - Sedang menyelia seorang PhD (Penyelia Utama)
4	Jumlah Penerbitan Jurnal Antarabangsa (Minimum)	15	10
5	Geran Penyelidikan : Ketua Geran Luar (Minimum dalam tempoh 3 tahun terkini)	1	1
<p>Perincian Maklumat Kriteria Khusus bagi jawatan dan gred yang ditawarkan boleh dirujuk dalam Borang Penilaian Kendiri.</p> <p>Syarat Lain : Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik Universiti Malaysia Pahang atas nasihat jawatankuasa yang berkenaan.</p>			

c) Kriteria Khusus

Penilaian Kriteria Khusus dan Pemberat Mengikut Gred Jawatan adalah sebagaimana di bawah. Perincian maklumat wajar/pemberat setiap Kriteria Khusus bagi pelantikan jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dan Profesor Madya Gred DS53 juga boleh dirujuk dalam Borang Penilaian Kendiri.

Bil	Kriteria Khusus	% Wajaran	
		VK7	53
1	Pengajaran dan Penyeliaan	40	60
2	Penyelidikan dan Penerbitan	80	50
3	Perundingan dan/atau Kepakaran	60	20
4	Pengiktirafan dan Kepimpinan	30	20
5	Khidmat kepada Universiti	25	20
6	Khidmat kepada Masyarakat	15	10
	Jumlah Keseluruhan	250	180

GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) & PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

- 4.3 Bagi staf lantikan Kontrak yang sedang berkhidmat di jawatan Pensyarah Universiti Gred DS51/ Profesor Madya Gred DS53 yang ingin mengemukakan permohonan pelantikan ke gred / jawatan lebih tinggi seperti Profesor Madya Gred DS53 / Profesor Gred Khas C (VK7), mereka perlu mengemukakan permohonan ketika satu (1) tahun sebelum tamat tempoh kontrak semasa untuk pertimbangan Jawatankuasa Kesepakatan Kenaikan Pangkat Jawatan Akademik Peringkat Fakulti / Pusat dan Universiti walaupun staf telah memenuhi Kriteria Umum dan keperluan minimum Kriteria Khusus jawatan berkenaan.

5.0 PROSEDUR DAN PROSES PERMOHONAN

- 5.1 Calon-calon hendaklah mengemukakan dokumen permohonan pelantikan seperti berikut :
- a) Resume/*Curriculum Vitae* yang mengandungi perincian maklumat Penerbitan, Penyeliaan & Geran Penyelidikan
 - b) Salinan sijil-sijil kelayakan akademik (termasuk sijil SPM), keahlian profesional dan lain-lain dokumen sokongan berkaitan;
 - c) Salinan Buku Kenyataan Perkhidmatan & Markah LNPT Bagi 3 Tahun Terkini (sekiranya sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan);
 - d) Salinan Slip Gaji terkini (sekiranya ada);
 - e) Mengisi Borang Penilaian Kendiri (kriteria khusus); dan
 - f) Kad Pengenalan atau Pasport dan salinan visa (bagi pemohon bukan warganegara Malaysia sekiranya berkenaan).
- 5.2 Pihak Fakulti/Pusat perlu mewujudkan Jawatankuasa Kesepakatan di peringkat Fakulti/Pusat bagi menyaring dan membuat tapisan awal berdasarkan kriteria yang ditetapkan sebelum dipanjangkan kepada Jawatankuasa Pemilih Peringkat Universiti (tertakluk kepada laporan Penilai Luar).

6.0 JAWATANKUASA KESEPAKARAN PERINGKAT FAKULTI/PUSAT

- 6.1 Jawatankuasa Kesepakatan Peringkat Fakulti/Pusat bertanggungjawab untuk menyaring dan membuat penilaian berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Universiti.

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) &
PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

6.2 **Keahlian Jawatankuasa Kesepakatan Peringkat Fakulti/Pusat** seperti berikut:

- Pengerusi : Dekan;
- Ahli-ahli : Dua (2) orang Timbalan Dekan;
Dua (2) orang pakar dalam bidang yang berkaitan; dan
Dua (2) orang yang dijemput oleh Dekan berdasarkan keperluan
- Setiausaha : Eksekutif Pentadbiran Fakulti/Pusat.

- a) Lantikan ahli-ahli Jawatankuasa Kesepakatan di peringkat Fakulti/Pusat akan dibuat oleh Dekan berdasarkan nama-nama yang dicadangkan mengikut keperluan.
- b) Jawatankuasa Kesepakatan di peringkat Fakulti/Pusat perlu meneliti kriteria dan syarat yang telah ditetapkan beserta Laporan Penilai Luar yang diperolehi.
- c) Sekiranya semua kriteria dan syarat lantikan adalah positif, pihak Fakulti/Pusat akan memanjangkan permohonan calon, Laporan Jawatankuasa Kesepakatan di peringkat Fakulti/Pusat dan Laporan Penilai Luar kepada Bahagian Sumber Manusia untuk diperaku pada Jawatankuasa Pemilih Peringkat Universiti.
- d) Pihak Fakulti/Pusat juga perlu memaklumkan kepada calon sama ada secara bertulis ataupun melalui emel sekiranya calon tidak melepasi tapisan Jawatankuasa Kesepakatan di peringkat Fakulti/Pusat.
- 6.3 Pihak fakulti/pusat juga dikehendaki menyediakan Petunjuk Prestasi Utama / *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah diperaku oleh Dekan mengikut jawatan yang dimohon dan akan dilampirkan bersama-sama surat tawaran pelantikan kepada calon yang berjaya.

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) &
PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

7.0 PELANTIKAN PENILAI LUAR

7.1 Lantikan Penilai Luar mengikut jawatan yang berkenaan adalah seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Penilai
1.	Profesor Gred Khas C (VK7)	a. terdiri daripada tiga (3) orang Penilai iaitu dua (2) orang Penilai Dalam Negara dan seorang (1) Penilai Luar Negara; b. sekurang-kurangnya berjawatan Profesor Gred Khas B (VK6) dan ke atas; c. Penilai Luar ini akan dilantik oleh Dekan Fakulti / Pusat
2.	Profesor Madya Gred DS53	a. terdiri daripada dua (2) orang Penilai Dalam Negara; b. sekurang-kurangnya berjawatan Profesor Gred Khas C (VK7) c. Penilai Luar ini akan dilantik oleh Dekan Fakulti / Pusat

7.2 Penilai Luar yang dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :

- a) sekurang-kurangnya seseorang yang menjawat jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan yang dinilai, dari Universiti/Institusi Pengajian Tinggi dalam atau luar negara, atau yang setaraf dengannya;
- b) seseorang yang dapat memberi penilaian pakar/profesional mengenai calon yang dinilai;
- c) seseorang yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan/persaudaraan dengan calon dinilai; dan
- d) seseorang yang tidak ada hubungan usahasama secara langsung dengan calon dinilai. Contohnya sebagai Penyelia Tesis, Penulis/Penyelidik Bersama dan sebagainya.

7.3 Tugas dan tanggungjawab Penilai Luar adalah seperti berikut :

- a) menilai kesesuaian calon secara umum dari aspek akademik dan profesional untuk pertimbangan pelantikan ke gred jawatan yang dipohon;
- b) menyediakan laporan penilaian/ulasan pakar dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Pemilih Jawatan Profesor; dan
- c) laporan penilaian yang dibuat hendaklah mengikut kriteria dan format yang ditetapkan oleh pihak UMP.

8.0 PENILAIAN JAWATANKUASA PEMILIH PERINGKAT UNIVERSITI

8.1 Profesor Gred Khas C (VK7)

- a) Pihak BSM akan menyemak permohonan yang dipanjangkan oleh pihak fakulti/pusat berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan sebelum dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Jawatan Profesor untuk tujuan perakuan.
- b) Pihak BSM akan menguruskan sidang Jawatankuasa Pemilih Jawatan Profesor sekiranya Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Jawatan Profesor memberi perakuan permohonan yang dipanjangkan oleh pihak Fakulti/Pusat.

8.2 Profesor Madya Gred DS53

- a) Pihak BSM akan menyemak permohonan yang dipanjangkan oleh pihak fakulti/pusat berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan sebelum dibawa ke Jawatankuasa Pemilih (Jawatan Guru)
- b) Pihak BSM akan menguruskan sidang Jawatankuasa Pemilih (Jawatan Guru) setelah menerima perakuan dan dokumen permohonan pelantikan yang lengkap daripada pihak fakulti.

8.3 Jawatankuasa Pemilih yang berkenaan akan membuat pertimbangan dan perakuan bagi pelantikan jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dan Profesor Madya Gred DS53 sebelum dimajukan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melantik.

9.0 DOKUMEN PERMOHONAN PELANTIKAN DARIPADA FAKULTI/PUSAT

Dokumen permohonan yang perlu dikemukakan oleh Fakulti/Pusat kepada BSM bagi tujuan lantikan jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dan Profesor Madya Gred DS53:

- i. Permohonan lengkap daripada calon (rujuk maklumat di 5.1)
- ii. Borang Ringkasan Calon (dilengkapkan oleh Pihak Fakulti)
- iii. Borang Penilaian Kendiri (dilengkapkan oleh calon)
- iv. Laporan Penilaian Daripada Penilai Luar
- v. Laporan Kesepakatan Fakulti
- vi. Petunjuk Prestasi Utama / *Key Performance Indicator* (KPI)

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) &
PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

10.0 KEPUTUSAN PELANTIKAN

10.1 Jawatankuasa Pemilih yang terlibat adalah bertanggungjawab menjamin keadilan, ketelusan dan kerahsiaan dalam proses permohonan, penilaian, pemilihan, perakuan dan kelulusan

10.2 Keputusan Jawatankuasa Pemilih Peringkat Universiti serta Pihak Berkuasa Melantik adalah muktamad.

11.0 PROSES KERJA DAN CARTA ALIR BAGI PELANTIKAN JAWATAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) DAN PROFESOR MADYA GRED DS53.

11.1 Proses kerja urusan pelantikan jawatan **Profesor Gred Khas C (VK7)** seperti di jadual dan carta alir di bawah :

BIL	TANGGUNGJAWAB	PERINCIAN PROSES
1	Fakulti/Pusat	Menerima permohonan calon.
2	Fakulti/Pusat	Membuat perancangan/penjadualan penjadualan Jawatankuasa Kesepakatan di peringkat Fakulti/Pusat.
3	Fakulti/Pusat	Mendapatkan senarai Penilai Luar.
4	Fakulti/Pusat dan Penilai Luar	Menghantar permohonan calon kepada Penilai Luar.
5	Fakulti/Pusat dan Penilai Luar	Mendapatkan laporan penilaian daripada Penilai Luar.
6	Fakulti/Pusat	Mengadakan sidang Jawatankuasa Kesepakatan peringkat Fakulti/Pusat.
7	Jawatankuasa Kesepakatan peringkat Fakulti/Pusat	Membuat tapisan dan penilaian permohonan calon.
8	Fakulti/Pusat	Mengeluarkan keputusan penilaian Jawatankuasa Kesepakatan peringkat Fakulti/Pusat kepada calon.
9	Fakulti/Pusat	Menghantar/mengemukakan dokumen permohonan calon berserta laporan Jawatankuasa Kesepakatan peringkat Fakulti/Pusat dan laporan Penilai Luar kepada Unit Kenaikan Pangkat BSM.

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) &
PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**


BIL	TANGGUNGJAWAB	PERINCIAN PROSES
10	BSM	Menyediakan kertas kerja dan mendapatkan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Jawatan Profesor.
11	BSM	Mengeluarkan keputusan pertimbangan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Jawatan Profesor kepada calon dan Fakulti/Pusat.
12	BSM	Mengadakan temuduga (tertakluk kepada pindaan/perubahan jadual Jawatankuasa Pemilih Jawatan Profesor).
13	BSM	Menyediakan kertas kerja untuk pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.
14	BSM	Mengeluarkan keputusan Jawatankuasa Pemilih Jawatan Profesor kepada calon dan Fakulti/Pusat.

Sumber Rujukan/Punca Kuasa :

1. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia Bil. 2/2019 bertarikh 6 Ogos 2019 meluluskan cadangan tambahbaik Garis Panduan Pelantikan Profesor Gred Khas C (VK7) & Profesor Madya Gred DS53 di UMP. (Perkara 4.3)

GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) & PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

CARTA ALIR PROSES PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) (LANTIKAN TERUS DARI AGENSI LUAR)




**GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) &
PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

11.2 Proses kerja urusan pelantikan jawatan **Profesor Madya Gred DS53** seperti di jadual dan carta alir di bawah :

BIL	TANGGUNGJAWAB	PERINCIAN PROSES
1	Fakulti/Pusat	Menerima permohonan calon.
2	Fakulti/Pusat	Membuat perancangan / penjadualan penjadualan Jawatankuasa Kesepakatan di peringkat Fakulti / Pusat.
3	Fakulti/Pusat	Mendapatkan senarai Penilai Luar
4	Fakulti/Pusat	Mengeluarkan surat lantikan kepada Penilai Luar
5	Fakulti/Pusat dan Penilai Luar	Menghantar permohonan calon kepada Penilai Luar.
6	Fakulti/Pusat dan Penilai Luar	Mendapatkan laporan penilaian daripada Penilai Luar.
7	Fakulti/Pusat	Mengadakan sidang Jawatankuasa Kesepakatan peringkat Fakulti / Pusat.
8	Jawatankuasa Kesepakatan peringkat Fakulti/Pusat	Membuat tapisan dan penilaian permohonan calon.
9	Fakulti/Pusat	Mengeluarkan keputusan penilaian Jawatankuasa Kesepakatan peringkat Fakulti / Pusat kepada calon.
10	Fakulti/Pusat	Menghantar / mengemukakan dokumen permohonan calon berserta laporan Jawatankuasa Kesepakatan peringkat Fakulti / Pusat dan laporan Penilai Luar kepada Unit Pelantikan / Unit Kenaikan Pangkat BSM
11	BSM	Menguruskan sesi temuduga bagi kelulusan Jawatankuasa Pemilih Peringkat Universiti
12	BSM	Menyediakan kertas kerja untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Melantik Universiti.
13	BSM	Mengeluarkan keputusan Pihak Berkuasa Melantik kepada calon dan Fakulti / Pusat.

GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) & PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

CARTA ALIR PROSES PELANTIKAN PROFESOR MADYA GRED DS53 (LANTIKAN TERUS DARI AGENSI LUAR)



GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7) & PROFESOR MADYA GRED DS53 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

**CARTA ALIR PROSES PELANTIKAN
PROFESOR MADYA GRED DS53
(LANTIKAN TERUS DARI AGENSI LUAR)**

Proses Kerja	Tanggungjawab
--------------	---------------

